



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SKIM PENCEN SEKTOR AWAM

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

BAHAGIAN PENCEN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

TOPIK PERKONGSIAN / PERBINCANGAN

- Pengenalan Skim Pencen dan Skim KWSP
- Perbandingan Skim Pencen dan Skim KWSP
- Overview Skim Pencen Sektor Awam
- Faedah Terbitan Skim Pencen

Apa itu Persaraan?

PILIHAN SISTEM PENGURUSAN PERSARAAN



SKIM
CARUMAN
KWSP

SKIM
PENCEN
SEKTOR
AWAM

Penjawat awam yang telah diberikan **pengesahan jawatan** serta menempuhi 3 tahun tempoh percubaan semenjak dilantik secara **tetap** akan diberi opsyen sama ada memilih **skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** atau **skim pencen sektor awam**

Skim Caruman KWSP



Jika anda memilih skim KWSP, maka **caruman pekerja (anggota) akan dipotong daripada gaji setiap bulan di samping caruman oleh majikan (Kerajaan)** sehingga mencapai umur opsyen persaraan wajib yang telah dipilih.



Skim Pencen Sektor Awam



Bagi yang menolak Skim KWSP, anda secara automatik memilih skim pencen sektor awam dan akan menerima **Pemberian Taraf Berpencen (PTB)** oleh:

- **Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)** bagi pegawai awam Persekutuan dan pentadbiran Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri
- **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** bagi Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)



JADUAL KELIMA

BORANG OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA MENGIKUT SUBSEKSYEN 6A(1) AKTA PENCEN 1980

[PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI
AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN
PANGKAT DAN PENAMATAN
PERKHIDMATAN) 2012]

JADUAL KELIMA

BORANG OPSYEN BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA MENGIKUT SUBSEKSYEN 6A(1) AKTA PENCEN 1980

(peraturan 37)

Kepada :

.....

.....

(Ketua Jabatan)

Tuan,

Merujuk kepada peraturan 37 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan,
Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] saya

..... No. Kad Pengenalan

yang dilantik sebagai dalam

perkhidmatan pada (tarikh).....

dengan ini membuat opsyen untuk*

☐

memilih SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

atau

☐

menolak SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami bahawa jika saya menolak SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, atau mengembalikan borang ini tanpa menyatakan apa-apa pilihan atau menyatakan apa-apa syarat kepada pilihan atau tidak mengembalikan borang opsyen ini mengikut peraturan yang ditetapkan, maka saya hendaklah diberi taraf sebagai pegawai berpencen mengikut Akta Pencen 1980. Saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah dibuat ini adalah **muktamad**.

FAEDAH SKIM KWSP & SKIM PENCEN BAGI PENJAWAT AWAM

KWSP

01 > Akta 452

Tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa daripada semasa ke semasa

02 > Caruman KWSP

Caruman Kerajaan dan anggota sepanjang perkhidmatan

03 > Tiada konsep Pemberian Taraf Berpencen

Tiada istilah persaraan awal/pilihan

04 > Faedah Persaraan

- Jumlah caruman berserta faedah apabila cukup umur 55 tahun
- GCR dan Kad Pesara (Sekiranya Pegawai Bersara Paksa)

PENCEN

Akta 227/239/238

Tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa daripada semasa ke semasa

Caruman KWSP

- Caruman KWSP dihentikan apabila telah diberi taraf berpencen
- Caruman Kerajaan dikembalikan

Pemberian Taraf Berpencen

Disifatkan berpencen jika mati dalam perkhidmatan/sebab perubatan/penswastan

Faedah Persaraan

- Pencen Bulanan
- Kad Pesara
- GCR
- Ganjaran Perkhidmatan

FAEDAH SKIM KWSP & SKIM PENCEN BAGI PENJAWAT AWAM

KWSP

05



Meninggal dunia dalam perkhidmatan?

Jumlah caruman dan faedah diberi kepada tanggungan

06



Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat?

- Persaraan Paksa
- Mati Dalam Perkhidmatan

07



Kemudahan Rawatan

Meliputi pesara dan tanggungan (suami/isteri, anak, ibu/bapa)

08



Tamat selain bersara?

Jumlah caruman dan faedah kekal

09



Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)

- Bantuan Kematian RM2,500 (tertakluk syarat ditetapkan KWSP)
- BMJ RM3,000

PENCEN

Meninggal dunia dalam perkhidmatan?

Faedah Persaraan Terbitan

Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat?

- Semua jenis persaraan
- Mati Dalam Perkhidmatan

Kemudahan Rawatan

Meliputi pesara dan tanggungan (suami/isteri, anak, ibu/bapa)

Tamat selain bersara?

Anggota tidak layak menerima apa-apa faedah persaraan

Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)

BMJ RM3,000



Overview Skim Pencen Sektor Awam

OBJEKTIF SKIM PENCEN



**Pemberian
tambahan anggota
bersara akibat
kecederaan @
menghidap
penyakit ketika
bertugas rasmi @
meninggal dunia**


**Saraan hidup
kepada orang
tanggungan
pegawai yang
telah meninggal
dunia**

**Ikatan ke atas
anggota sektor
awam**

**Pengiktirafan &
penghargaan ke
atas perkhidmatan
cemerlang**

**Jaminan saraan
hidup setelah
bersara**

KELAYAKAN MENDAPAT FAEDAH PERSARAAN



01	Anggota Berpencen
02	Pegawai Tetap
03	Disahkan Jawatan
04	Tidak Memilih KWSP
05	> 3 Tahun Perkhidmatan

* Pegawai yang meninggalkan perkhidmatan kerana berhenti kerja atau dibuang kerja, tidak melayakkan sebarang faedah persaraan.

JENIS - JENIS PERSARAAN

Persaraan Paksa



Persaraan Pilihan



**Persaraan Atas
Kehendak Kerajaan /
Menteri**



**Persaraan Kerana
Penswastaaan**



PERSARAAN PAKSA

Mencapai
Umur 55/
56/ 58/ 60

01

Pada hari
seseorang
anggota
mencapai
umur
55/56/58/60
tahun
mengikut
opsyen umur
bersara yang
dipilih.

Atas Sebab
Kesihatan

02

Anggota yang
kesihatannya
tidak
memuaskan
boleh
dibersarakan
atas sebab
kesihatan.

Atas Sebab
Penghapusan
Jawatan

03

Jawatan yang
disandangnya
dihapuskan
boleh
dibersarakan
dari
perkhidmatan
dan terus
dibayar
faedah
persaraan.

Atas Sebab
Penyusunan
Semula
Organisasi

04

Penyusunan
semula
organisasi bagi
maksud
menghasilkan
lebih
kecekapan dan
terus dibayar
faedah
persaraan.

Atas Sebab
Kepentingan
Awam

05

Seseorang
anggota telah
ditamatkan
perkhidmatan
demi
kepentingan
awam.

Memperoleh
W\negara
Asing @
Dilucutkan
Warganegara

06

Anggota
yang
dibersarakan
atas sebab
ini tidak
akan dibayar
faedah
persaraan

Memberi
Maklumat
Palsu Untuk
Pelantikan

07

Jika terbukti
memberi
maklumat
secara palsu,
silap, tidak
tepat, tidak
lengkap atau
mengelirukan

PERSARAAN PILIHAN

Persaraan Pilihan

Mengemukakan permohonan persaraan pilihan apabila atau selepas mencapai umur 40 tahun dan sekurang-kurangnya 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN



Telah Disahkan Dalam Jawatan



Diputuskan oleh Lembaga Perubatan

Keadaan yang boleh dihadapi ke Lembaga Perubatan:

1

Cuti sakit tahunan telah habis

2

Tiada harapan sembuh

3

Cuti 45 hari/tahun, 3 tahun berturut-turut

4

Kesihatan mental dan fizikal diragui

5

Penyakit kusta, tibi atau barah

6

Cedera semasa bertugas bukan disebabkan kecuaiian

SYARAT PERSARAAN PILIHAN

01

Sah jawatan &
PTB

02

Berumur 40
tahun

03

Berkhidmat 10
tahun

04

Sokongan KJ

05

Bebas Tapisan
SPRM

06

Bebas Tindakan
Tatatertib

07

Batal/Pinda?
Sebelum Kuatkuasa

08

Bayar? 55
tahun*



**FAEDAH-FAEDAH
PERSARAAN**

FAEDAH PERSARAAN

SKIM PENCEN

Ganjaran Perkhidmatan (sekaligus)

Bayaran yang dibuat setelah mengambilkira tempoh **perkhidmatan** anggota dalam **perkhidmatan** Kerajaan yang boleh dimasukira dan gaji akhir diterima oleh anggota di dalam **perkhidmatan** Kerajaan.

Pencen Perkhidmatan (bulanan)

Peruntukan untuk menyediakan pendapatan kepada penjawat awam yang apabila mereka tidak lagi mendapat pendapatan tetap dari pekerjaan.

Award Gantian Cuti Rehat (sekaligus)

Award wang tunai yang diberi kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan. Juga layak kepada Skim KWSP.

Kemudahan Perubatan

Rawatan perubatan mengikut kelayakan semasa berkhidmat berdasarkan Kad Pesara.

KWSP – Caruman Pekerja dan Majikan

FORMULA PENGIRAAN

7.5%	×	Tempoh Perkhidmatan (bulan)	×	Gaji Pokok Akhir	GANJARAN	01
1/600	×	Tempoh Perkhidmatan (bulan)	×	Gaji Pokok Akhir	PENCEN*	02
1/30	×	Tempoh Cuti Terkumpul (maksimum 180 hari sepanjang tempoh perkhidmatan)	×	Gaji + Imbuhan Tetap	GANTIAN CUTI REHAT (GCR)	03

*Terhad kepada 360 bulan (Pencen Maksimum – tidak boleh melebihi tiga per lima daripada gaji akhir diterimanya)

Nota :

1. Faedah persaraan boleh ditolak untuk menjelaskan hutang pegawai kepada Kerajaan. Ia **tidak merangkumi hutang peribadi** yang belum diselesaikan pegawai sebelum bersara.
2. **Tempoh Tidak Bergaji** antara tempoh yang **tidak boleh dimasukkan kira** untuk pengiraan tempoh perkhidmatan.

PENCEN HILANG UPAYA

Sebagai tambahan kepada pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya boleh diberi kepada pegawai yang dikehendaki bersara akibat daripada :

01

Menanggung bencana semasa melaksanakan tugas rasmi @ kemalangan dalam perjalanan

02

Mendapat penyakit kerana jenis tugasnya itu menyebabkan dirinya terdedah

Dengan syarat bencana/penyakit itu bukan berpunca dari kecuaian atau salahlaku pegawai itu



4

FAEDAH TERBITAN



JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Seksyen 4(1)
Akta 227/239

01

**GANJARAN
TERBITAN
(Sekaligus)**

Seksyen 4(1)
Akta 227/23

02

**PENCEN
TERBITAN
(Bulanan)**

(Tidak layak
diterima ibu/bapa
gemulah)

Seksyen 4(2)
Akta 227/239

03

**GANTIAN
CUTI REHAT
(GCR)
(Sekaligus)**

Seksyen 18,
Akta 227/
Seksyen 20
Akta 239

04

**PENCEN
TANGGUNGAN
(Bulanan)**

Seksyen 4(1)
Akta 227/239

05

**EX-GRATIA
TERBITAN
(Sekaligus)**

PP 2/1993,
PP 14/1993 &
PP3/2010

06

**BANTUAN
MENGURUS
JENAZAH
(Sekaligus)**

Amaun bayaran
RM3,000

PP 11/2019

07

**EX-GRATIA
KEMATIAN
(Sekaligus)**

Info : RM150,000
bagi kes kematian
pegawai yang
tempoh
perkhidmatannya
kurang 5 tahun,
walaupun belum
disahkan jawatan.

Siapa yang layak terima Pencen Terbitan?



BALU / DUDA



ANAK

Takrifan Anak?

Kategori anak yang layak menerima faedah terbitan sekiranya pegawai / pesara Skim Pencen meninggal dunia.



**anak seorang
pegawai/pesara yang
meninggal**



**berumur di bawah
21 tahun**



masih belum berkahwin

Termasuk

01

Anak kandung

02

Anak yang lahir selepas kematian pegawai

03

Anak Tiri Tanggungan

04

Anak Tak Sah Taraf

05

Anak Angkat

06

Anak OKU

PEMBAHAGIAN SYER DAN PENGIRAAN



BALU/DUDA





ANAK

CONTOH : Jika gemulah meninggalkan seorang balu dan 3 orang anak



+



$$\frac{2}{5} \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}400.00$$


→ 2 Syer

→ 3 Syer

Jumlah Syer Keseluruhan : 5 syer


$$\frac{3}{5} \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}600.00$$

CONTOH : Jika gemulah meninggalkan 2 orang balu dan 5 orang anak




Amaun Pencen = RM1000.00

Jumlah Syer Keseluruhan : 9 syer



$$\frac{4}{9} \times \text{RM1000.00} = \text{RM444.44}$$



$$\frac{5}{9} \times \text{RM1000.00} = \text{RM555.55}$$

PERKAHWINAN DALAM PERKHIDMATAN VS PERKAHWINAN DALAM PERSARAAN



Perkahwinan Dalam
Perkhidmatan

Terima Pencen
Terbitan sepanjang
hayat




Perkahwinan Dalam
Persaraan

Terima Pencen Terbitan
untuk tempoh 20 tahun
sahaja dari tarikh
persaraan pegawai

PERKAHWINAN DALAM PERSARAAN

CONTOH : Kematian dalam tempoh 20 tahun selepas persaraan





SEKIAN, TERIMA KASIH